

HUDAN LIN-NAAS

Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora

Volume: 1, no 1, Januari-Juni 2020

ISSN: xxxx xxxx (p), xxxx xxxx (e)

<http://ejournal.idia.ac.id/index.php/hudanlinnaas/index>

ANALISIS PERBANDINGAN ISU JAWATAN KHALIFAH ATAU IMAMAH ANTARA AHLU SUNNAH DENGAN SYI'AH

Maafi Husin Bin Ali Amran, Muhammad Hilmi Jalil, Zakaria Stapa, Jawiah Dakir
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: maafihusin@gmail.com

Abstrak

Jawatan khalifah selepas kewafatan Nabi SAW adalah permasalahan yang di hadapi oleh umat Islam pada zaman terdahulu, siapakah yang berhak menjawat kedudukan kekhalifahan selepas kewafatan Nabi SAW, adakah Abu Bakar, Umar, Utsman ataupun Ali r.a. oleh kerana itu, penulisan ini merupakan analisis perbandingan isu jawatan khalifah atau imamah antara ahlu Sunnah dengan Syi'ah. Kajian ini membincangkan mengenai dalil yang bersumber dari ayat al-Qur'an iaitu ayat al-Tabligh, ayat ini dijadikan sebagai senjata dakwah bagi Syi'ah kerana ada beberapa hadis yang menafsirkan ayat tersebut, salah satunya ialah hadis bersandarkan dengan merujuk kepada kata-kata Abu Sa'id al-Khudri r.a, bahawa ayat ini diturunkan berkenaan Ali bin Abi Talib r.a, mengarah kepada perlantikan beliau sebagai khalifah umat Islam di sebuah tempat bernama Ghadir Khum. Perlantikan ini terkenal dengan gelaran khutbah Ghadir Khum. Namun terdapat beberapa masalah dalam metodologi penafsiran ayat al-Quran tersebut, metodologi penafsiran ini amat perlu dikaji dan dianalisa kerana ianya melibatkan kalam Allah SWT dan isu yang sangat besar iaitu kedudukan khalifah atau imamah selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Objektif kajian juga menilai sejauh mana kebenaran metodologi penafsiran ayat tersebut dengan membandingkan dalil yang bersumber dari ahlu Sunnah dan Syi'ah. Metodologi kajian ialah kajian kepustakaan, kaedah analisis data ini akan menjelaskan teknik penganalisan yang akan digunakan seperti kajian perbandingan, analisis kandungan, pentashihan data dan sebagainya. kajian ini mendapati bahawa metodologi Syi'ah dalam penafsiran terhadap ayat al-Tabligh ialah tidak tepat dari sudut piawai pentafsiran sebenar kerana ayat tersebut tidak menunjukkan kekhususan kepada perlantikan Ali r.a sebagai khalifah umat Islam, manakala hadis yang menafsirkan ayat tersebut sebagaimana sabda Rasulullah SAW melalui kata-kata Abu Sa'id al-Khudri, r.a

mempunyai Sanad riwayat yang da'if, Atiyah juga sememangnya terkenal menyandarkan riwayat-riwayat Shi'iyat kerana beliau adalah seorang Syi'ah.

Kata kunci: Perbandingan, ahlu Sunnah, Syi'ah, Khalifah, Imamah, Ayat al-Tabligh

Abstract

The position of caliph after the death of the Prophet SAW is a problem faced by Muslims in the past, who is entitled to hold the position of caliphate after the death of the Prophet SAW, whether Abu Bakr, Umar, Uthman or Ali r.a. therefore, this writing is a comparative analysis of the issue of the position of caliph or imamah between Sunnis and Shiites. This study discusses the evidence that comes from the verses of the Qur'an that is the verse of al-Tabligh, this verse is used as a weapon of da'wah for the Shiites because there are several hadiths that interpret the verse, one of which is the hadith based on referring to words Abu Sa'id al-Khudri ra, that this verse was revealed regarding Ali bin Abi Talib ra, led to his appointment as caliph of the Muslims in a place called Ghadir Khum. This appointment is known as the Ghadir Khum sermon. However, there are some problems in the methodology of interpreting the verses of the Qur'an, this methodology of interpretation needs to be studied and analyzed because it involves the words of Allah SWT and a very big issue that is the position of caliph or imamah after the death of the Prophet Muhammad SAW. The objective of the study is also to assess the extent to which the methodology of the interpretation of the verse is true by comparing propositions sourced from Sunnis and Shiites. The research methodology is a library study, this data analysis method will explain the analysis techniques that will be used such as comparative studies, content analysis, data validation and so on. This study found that the Shiite methodology in the interpretation of the verse of al-Tabligh is inaccurate in terms of the actual standard of interpretation because the verse does not show the specificity of the appointment of Ali ra as the caliph of Muslims, while the hadith that interprets the verse as the Prophet SAW said -said Abu Sa'id al-Khudri, ra has a weak Sanad narration, Atiyah is also well known for relying on Shi'iyat narrations because he is a Shiite.

Keywords: Comparison, Sunnis, Shiites, Caliphs, Imams, Ayat al-Tabligh

PENDAHULUAN

Sosiologi muslim, Ibnu Khaldun menceritakan bahawa kehidupan bermasyarakat bagi manusia ialah suatu keharusan. Para ahli falsafah telah menjelaskan perkara ini dengan istilah: manusia memiliki kebiasaan sosial, artinya ialah satu keharusan bagi manusia untuk bermasyarakat dan hal ini juga menurut istilah falsafah disebut civilization (peradapan). Apabila ikatan sosial telah menjadi amalan dan keharusan bagi manusia maka setiap kumpulan masyarakat walaupun sikit jumlah bilangannya, sangat memerlukan pemimpin yang dapat menangani kepentingan tersebut. Seseorang pemimpin mestilah mampu melaksanakan dan mengerjakan pengaturan di lingkungannya. Sebuah kampung tentulah mempunyai ketua, sebuah wilayah tentulah ada pemimpin di daerahnya dan sebuah negara tentulah mempunyai pemimpin tertinggi yang di dalam Islam dinamakan Khalifah,

Imam atau Amirul Mukminin. Pemimpin tertinggi atau Imam merupakan tiang utama dalam sebuah negara bahkan bertanggungjawab untuk memimpin umat dengan adil, melindungi dan mempertahankan keselamatan rakyat daripada dicerobohi musuh. Permusuhan merupakan naluri kehidupan yang ada pada manusia mahupun haiwan (Muhammad Thalib 2013).

Kekuasaan juga ada kepentingan dalam kehidupan sosial, orang yang memegang kekuasaan merupakan pemimpin tertinggi yang tidak ada individu lain di atasnya, dan tidak ada pula kekuasaan atau pemberi perintah yang lebih tinggi daripadanya, orang inilah yang dinamakan penguasa. Dan perkara seperti ini bagi bangsa Arab dan kaum muslimin menggelar mereka dengan istilah *Khalifah* atau *Imam*. Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa salah satu ciri pemimpin adalah bertindak dengan pemaksaan, dalam perkara ini harus ada undang-undang yang memberikan ketetapan untuk diperlakukan kepada segenap umat dan dipatuhi aturannya sebagaimana perkara ini juga dahulunya berlaku pada bangsa Parsi dan bangsa-bangsa lain. Apabila undang-undang dibuat oleh pemikir dan pembesar-pembesar negara, maka undang-undang tersebut dinamakan peraturan akliah. Walaubagaimanapun, jika datang daripada ketetapan Allah SWT melalui seorang Syari' (rasul) yang menyampaikan ketetapannya itu, maka dinamakan peraturan-peraturan keagamaan yang bermanfaat bagi kehidupan dunia dan akhirat (Muhammad Thalib 2013).

Dalam kajian ini, pengkaji mendatangkan persoalan yang diketengahkan oleh Syi'ah, mereka mempunyai prinsip yang paling mendasar dalam ajarannya ialah Khalifah atau Imamah. Mereka meyakini bahawa Khalifah atau Imamah asas dalam akidah kerana menurut mereka perkara tersebut adalah sebahagian kalimat tauhid, barangsiapa tidak percaya dengan Khalifah atau Imamah maka orang tersebut tidak mengakui kalimat Syahadat. Perkara tersebut wajib diikuti walaupun menyimpang dari ajaran agama Islam yang sebenar. Konsep Khalifah atau Imamah ini memberi kesan yang sangat signifikan dalam seluruh ajaran mereka, akan tetapi mereka masih menunggu munculnya Imam kedua belas iaitu Imam Mahdi al-Muntazar, seorang Imam yang muncul pada tahun 868 H dan kemudian menghilang (Hamid Fahmy Zarkasyi & Henri Shalahuddin 2014).

Oleh kerana itu, di dalam kajian ini juga, pengkaji akan menjelaskan permasalahan yang selalu ditimbulkan oleh golongan Syi'ah mengenai kedudukan Khalifah atau Imamah di sisi Islam. Kajian juga akan mendatangkan dalil-dalil bagi menguat kehujahan mengenai Khalifah atau Imamah, kehujahan diambil sumber dari ahl Sunnah dan Syi'ah, pengkaji akan menganalisa dan membandingkan kehujahan mana yang mengikuti piawai sebenar di sisi Islam atau kehujahan manakah yang tidak ada penyimpangan atau penyelewengan dalam mengemukakan kehujahan tersebut?.

METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kepustakaan, kaedah analisis data ini akan menjelaskan teknik penganalisan yang akan digunakan seperti kajian perbandingan, analisis kandungan, pentashihan data dan sebagainya (Ahmad Sunawari Long 2005 M). Kajian ini akan menghasilkan struktur jawapan yang tersusun terhadap isu yang dibangkitkan, menurut pandangan akidah Shaykh Muhammad Mar'î sangat berbeza dengan ahli Sunnah wal-Jama'ah berkaitan isu Imamah atau Khalifah. Di sisi lain, kajian ini juga adalah berbentuk analisis kandungan terhadap teks kitab *Limadha Akhtartu Madhhab al- Shi'ah*, kajian ini akan melibatkan proses analisis perbandingan dan pemulihan dari sudut sumber data-data yang diperoleh oleh Syi'ah dan akan dijelaskan mengikut perspektif ahli Sunnah wal-Jama'ah.

Kajian ini berbentuk kualitatif, dimana pengkaji akan menggunakan fakta, maklumat, huraian, peringatan, ulasan hujah (Ahmad Sunawari Long 2005 M) dan ciri-ciri yang boleh menjelaskan isu-isu akidah Syi'ah yang terdapat dalam kitab *Limadha Akhtartu Madhhab al- Shi'ah*. Oleh yang demikian, sumber data kualitatif dalam kajian adalah berbentuk tulisan, seperti buku, laporan, manuskrip dan sebagainya. Reka bentuk kajian juga ialah kualitatif, sumber data primer kajian adalah kitab *Limadha akhtartu madhhab al- Shi'ah* oleh Shaykh Muhammad Mar'î (1380 H) Beyrut: Mu`asasah al-a`lami li al-Mathbu`at. Manakala sumber data sekunder meliputi kitab-kitab, buku, kertas kerja yang mempunyai hubungkait dengan permasalahan penyelidikan, seperti, kitab *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah Fi Naqdu Kalam al-Shi'ah al-Qadariyyah* oleh Ibn Taimiyyah, (1986) al-Su`udiyyah: Wazarah al-Ta`lim. *Tikaman Shi'ah Terhadap Para Sahabat Nabi* oleh Mustafa Mahdamy (1986 M) Solo: Pustaka Mantiq. *Al-Tibyan fi `ulum al-Qur'an* (1987 M) oleh al-Sabuni Muhammad Ali, Makkah al-Mukarramah: Dar al-Irsyad.

Dalam konteks pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi yang diaplikasikan secara langsung terhadap sumber data (Ahmad Sunawari Long 2005 M) seperti yang telah disebutkan di atas untuk mengetahui kebenaran kehujahan akidah Shaykh Muhammad Mar'î. Data dari sumber tersebut penulis ambil dengan menggunakan petikan langsung dari isu yang dibangkitkan oleh beliau. Agar kajian dapat dilakukan dengan terarah dan mencapai matlamatnya. Kemudian, adapun data yang diperoleh akan dianalisis dengan metode deduktif, induktif, perbandingan dan analisis pentashihan. Deduktif merupakan kaedah di mana pengkaji menggunakan gagasan fikiran yang ada atau yang telah dibentuk. Kaedah ini juga satu proses merumuskan suatu pernyataan khusus berdasarkan maklumat umum, kaedah ini dapat diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian untuk menyelesaikan masalah khusus kajian (Idris Awang 2001). Misalnya, metode ini diaplikasikan dalam Menganalisa secara khusus kehujahan atau pandangan Muhammad Mar'î terhadap isu Imamah atau Khalifah.

Dalam kajian ini, pengkaji juga menggunakan kaedah induktif, kaedah ini bertujuan untuk menerangkan dasar-dasar mengenai prinsip akidah muslim ahli

sunnah waljama'ah dengan prinsip akidah Syi'ah menurut Muhammad Mar'î khususnya mengenai konsep khalifah atau imamah dan kaedah ini juga akan menyelesaikan masalah kajian. Kemudian, metode perbandingan diaplikasikan dalam perbincangan metode Muhammad Mar'î dalam mentafsir dalil-dalil dari ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW dengan membandingkan secara analisis pendapat ulama *ahli sunah* sebagai hujah dalam kajian. Dalam konteks ini, pengkaji akan melakukan pentarjihan terhadap pandangan beliau (Ahmad Sunawari Long 2005).

HASIL DAN PERBINCANGAN **Konsep Khalifah atau Imamah**

Di dalam perbincangan mengenai Khalifah atau Imamah, terlebih dahulu pengkaji menghuraikan maksud perkataan Khalifah atau Imamah secara etimologi, Imamah berasal dari bahasa Arab iaitu *Amma*, menurut Ibnu Mandhur *Amma* ertinya sesuatu yang berada di hadapan atau ketua (Ibn Mandhur T.th). Makna tersebut sama dengan yang dijelaskan oleh Dr. Abdul Mun'im al-Hifny di dalam karyanya iaitu *al-Mu'jam al-Shamil Limustalahat al-Falsafah*, Imam ertinya sesuatu yang mempunyai kekuasaan tertinggi di dalam agama dan dunia yang harus dan wajib diikuti oleh seluruh umat (Abdul Mun'im al-Hifny 2000). Oleh itu, kata Imamah dan Khalifah keduanya mempunyai maksud yang sama iaitu kepimpinan suatu pemerintahan Islam yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan bagi umatnya, namun perkataan Imamah tidak terdapat di dalam al-Qur'an al-Karim tetapi perkataan yang disebutkan di dalam al-Qur'an ialah Imam dan Aimmah, seperti firman Allah SWT (*al-Baqarah* 2:124):

إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ١٢٤

Maksudnya:

Sesungguhnya aku melantikmu menjadi Imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (ya tuhanku) jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan). Allah berfirman: (permohonanmu diterima, tetapi) janjiku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim.

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يُنصَرُونَ ٤١

Maksudnya:

Dan kami jadikan mereka ketua-ketua (dalam kesesatan) yang mengajak ke neraka (dengan kekufurannya), dan pada hari kiamat pula mereka tidak mendapat sebarang pertolongan (*al-Qasas* 28:41).

Kajian mendapati bahawa antara perkataan Imam dan Khalifah merupakan dua perkataan yang bersinonim menurut Abu Zahra di dalam penulisannya, beliau menerangkan bahawa digelar khalifah kerana ia menjadikan pemimpin tertinggi menggantikan tugas Nabi Muhammad SAW di dalam mengatur urusan kaum Muslimin dan digelar imam kerana khilifah disebut juga sebagai seorang imam, mentaati imam hukumnya adalah wajib dan orang-orang yang berjalan di belakang imam seperti mereka mengerjakan shalat di belakang orang yang mengimami mereka (Ali Ahmad al-Salus 2011).

Pertentangan dan perselisihan yang terjadi di antara kaum muslimin adalah disebabkan masalah khilafah atau imamah selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, Asy-Syahrastani menyatakan bahawa dalam Islam, sebuah pedang yang terhunus atas dasar prinsip-prinsip agama tidaklah sebanyak dengan terhunusnya pedang dalam pertikaian dalam masalah khalifah atau imamah pada setiap zaman (Ali Ahmad al-Salus 2011).

Menurut al-Dhahabi dalam kitabnya *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, beliau menjelaskan bahawa golongan Syi'ah adalah sebagai orang-orang yang mengikut Saidina Ali secara khusus. Mereka mengatakan bahawa Ali adalah khalifah dan imamah yang dilantik secara Nas dan wasiat, sama ada secara jelas ataupun tersembunyi. Mereka juga berkeyakinan bahawa jawatan Imam tidak boleh terpisah daripada keturunan Ali, dan jika berlaku sebaliknya maka kezaliman telah berlaku (al-Dhahabi 2000). Golongan Syiah menyandarkan dakwaan mereka tentang kekhalifahan Ali itu kepada *Hadith al-Ghadir* yang antaranya peristiwa yang berlaku di *Ghadir Khum* selepas Rasulullah SAW melakukan haji wada (Muhammad Mar'at 1380 H).

Khalifah atau Imamah Menurut Syi'ah

Golongan Syi'ah mengutamakan Ali bin Abi Thalib r.a dibandingkan dengan Uthman bin Affan r.a (Ali Muhammad al-Salabi 2012). Adapun gelaran Syi'ah biasa ditujukan setiap orang yang taat dan setia kepada Ali bin Abi Thalib r.a dan ahl al-Bayt sehingga ia menjadi gelaran yang khusus bagi mereka (al-Fairuz Abadi 817 H). Namun hakikatnya pandangan dan pegangan hidup golongan Syi'ah ialah berdasarkan kepada khalifah dan imamah, akidah ini menunjukkan bahawa khalifah Abu Bakar, khalifah Umar, dan khalifah Uthman adalah khalifah yang tidak sah, pengkhianat, dan perompak-perompak yang berdosa, kerana mengambil jawatan dan pangkat khalifah tanpa kebenaran daripada Ali r.a. Oleh kerana itu, Syi'ah selalu mencaci maki para sahabat Rasulullah SAW sehingga Abu Bakar dan Umar diibaratkan seperti Firaun dan Hamman, bahkan mereka berani mengkafirkan dan melaknat para sahabat semasa berdakwah dan berdo'a (Kamaluddin Nurdin Marjun 2014). Sebagaimana al-Dhahabi menyatkan Syi'ah adalah aliran yang memuliakan Ali r.a beserta ahli keluarganya. Sehingga dinyatakan bahawa Ali adalah imam setelah Rasulullah SAW, dan orang yang sepatutnya berhak menerima kekhalifahan pertama. Adapun masalah utama yang membezakan aliran teologi Syi'ah daripada

ahl al-Sunnah ialah mereka mendakwa bahawa Ali bin Abi Talib lebih mulia daripada sahabat-sahabat lain (al-Dhahabi 2000).

Perbincangan ayat al-Tabligh

Dalam kertas kerja ini, penulis akan mengupas *ayat al-Tabligh* yang telah dikemukakan oleh golongan Syi'ah, ayat ini merupakan di antara dalil dan hujah bagi orang-orang Syi'ah untuk menegakkan idiologi keaqidah mereka berkenaan khalifah dan imamah, ayat ini juga menurut pandangan Syi'ah merupakan pembuktian bahawa fahaman mereka adalah benar kerana ianya bersumber dari ayat al-Qur'an dan al-Hadis. Bagi orang-orang Syi'ah di Asia khususnya di Indonesia dan Malaysia, dalam menegakkan idiologi Syi'ah mereka, *ayat al-Tabligh* merupakan senjata dakwah untuk mempengaruhi orang-orang awam menerima mazhab mereka. Kalau dilihat melalui buku-buku karangan orang-orang Syi'ah, berdialog dan berdebat, *ayat al-Tabligh* tidak akan terlepas dari kehujahan mereka, kerana ayat tersebut petunjuk bagi mereka bahawa khalifah dan imamah merupakan asas kepercayaan mereka dan kepercayaan mereka adalah sebenar-benar kepercayaan dalam Islam.

Oleh kerana itu, persoalan Khalifah atau Imamah ialah konteks perbincangan yang dimaksudkan oleh golongan Syi'ah, siapakah yang berhak menjawat kedudukan Khalifah atau Imamah Umat Islam selepas kewafatan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, adakah Abu Bakar, Umar dan Uthman atau Ahl al-Bayt Rasulullah yang terdiri daripada Ali dan keturunannya radiallahu anhum?

Golongan Syi'ah mendakwa bahawa khalifah atau imamah selepas kewafatan nabi Muhammad SAW ialah Ali dan keturunannya sahaja, sebagaimana kehujahan tersebut telah ditentukan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah, namun kajian ini akan menganalisa dakwaan atau hujah yang bina daripada ayat al-Qur'an juga hadith Rasulullah SAW. *ayat al-Tabligh* tersebut merupakan ayat al-Qur'an yang paling masyhur diperhujahkan oleh golongan Syi'ah dan memberi implikasi buruk kepada masyarakat awam ahl al-Sunnah yang kurang memahami al-Qur'an.

Dalam perbincangan ini, pengkaji mendapati bagi penghujahan golongan Syi'ah di dalam kitab *Limadha Ikhtartu Madhhab al-Shi'ah* yang seterusnya adalah ke atas sepotong ayat yang mereka namakan *ayat al-Tabligh*. Kerana ia merujuk kepada perkataan *Balagh* (بلغ) dalam ayat 67 surah *al-Maidah* sebagaimana firman Allah yang bermaksud (*al-Maidah* 5: 67):

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ٦٧

Maksudnya:

Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusannya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia.

Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.

Golongan Syi'ah menjadikan ayat di atas sebagai hujah dan dalil yang bersandarkan dengan merujuk kepada kata-kata Abu Sa'id al-Khudri *r.a*, bahawa ayat ini diturunkan berkenaan Ali bin Abi Talib *r.a*, mengarah kepada perlantikan beliau sebagai khalifah umat Islam di sebuah tempat bernama *Ghadir Khum*. Perlantikan ini terkenal dengan gelaran khutbah *Ghadir Khum*.

Secara lebih mendalam, apabila Rasulullah SAW menyedari bahawa tugasnya menyampaikan syariat Allah SWT sudah hampir selesai, baginda ingin melantik Ali bin Abi Talib sebagai khalifah pengganti. Perlantikan ini ingin baginda umumkan ketika pelaksanaan Haji Wida' memandangkan pada saat itu majoriti umat Islam semuanya berhimpun di satu tempat yang sama. Namun baginda ketakutan untuk mengumumkannya kerana menjangkakan bantahan daripada umat Islam, khasnya para sahabat baginda. Ketakutan baginda ini tidak diterima sebagai satu alasan di sisi Allah. Dalam perjalanan balik dari Haji Wida', ketika di satu lembah bernama *Ghadir Khum*, Allah menurunkan perintah kepada Rasul-Nya untuk tetap teguh mengumumkan perlantikan tersebut (Muhammad Mar'at 1380 H). Allah berfirman yang bermaksud:

"Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir." yakni jika kamu, wahai Muhammad, tidak mengumumkan perlantikan tersebut, bererti kamu tidak menyampaikan syariat-Nya secara lengkap. *"Dan Allah memeliharaku dari (kejahatan) manusia"* Allah akan memelihara kamu, wahai Muhammad, daripada para sahabat kamu yang membantah perlantikan yang akan diumumkan itu.

Berdasarkan perintah Allah ini, Rasulullah terus berkhotbah di hadapan orang ramai sambil mengangkat tangan Ali dan bersabda: *Barangsiapa menjadikan aku Mawlanya, maka Ali adalah Mawlanya*. Khutbah ini baginda sampaikan selepas solat Zuhur dalam suasana panas terik, menandakan kepentingannya yang tidak boleh dilengahkan lagi (Muhammad Mar'at 1380 H).

Demikianlah kesimpulan bagi penjelasan Syi'ah dalam menggunakan ayat 67 surah *al-Maidah* sebagai hujah dan dalil di atas pelantikan kekhalifahan Ali *r.a* ketika berada di lembah yang bernama *Ghadir Khum*.

Manhaj Syi'ah

Berdasarkan kepada kehujahan oleh Syi'ah, pengkaji telah menemukan satu kebiasaan bagi Syi'ah untuk memaksa nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah agar ia khusus ditujukan kepada *ahl al-Bayt* iaitu Ali, Fatimah, Hasan dan Husain *r.a*. namun

apabila dikaji seluruh ayat al-Qur'an al-Karim, tidak ada satu jua ayat yang secara khusus membicarakan hak kekhalifahan *ahl al-Bayt* ke atas umat Islam ini. Demikian juga, tidak ada satu jua hadith sahih yang menerangkan hak kepimpinan Ahl al-Bayt ke atas umat Islam. Adapun dalil dan hujah yang dikemukakan oleh beliau dari pelbagai ayat dan hadith bertujuan untuk mengangkat diri mereka sebagai golongan yang benar dan *ahl al-Bayt* sebagai khalifah yang hak (Muhammad Marḳī 1380 H). Padahal ayat dan hadith yang mereka kemukakan semuanya berbentuk umum dan tidak khusus merujuk kepada *ahl al-Bayt* mahupun subjek khalifah.

Adapun metodologi yang digunapakai oleh Syi'ah di dalam kitabnya berkenaan *ayat al-Tabligh* ialah: Mengkhususkan nas yang pada asalnya berbentuk umum, mengkhususkan perbahasan berdasarkan sebab turun dan kelahiran nas, adakalanya darjat hadith dinilai sahih dengan merujuk kepada pensahihan al-Hakim di dalam kitabnya al-Mustadrak.

Khalifah atau Imamah Menurut Ahl Al-Sunnah

Pengkaji akan memberikan penjelasan menurut pandangan Ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bahawa sejauh mana kebenaran penghujahan yang dikemukakan oleh Syi'ah ke atas *Ayat al-Tabligh* di atas pelantikan sebagai khalifah ketika berada di lembah yang bernama *Ghadir Khum*. Oleh kerana itu, penulis akan membahagikannya kepada tiga persoalan atau perbahasan iaitu pertama, menilai kedudukan hadith yang mengatakan ayat 67 surah *al-Maidah* turun untuk mengarahkan perlantikan Ali sebagai khalifah. Kedua, metodologi tafsir. Ketiga, mengkaji maksud sebenar ayat 67 surah *al-Maidah*.

Penulis akan menilai kedudukan hadith yang mengatakan ayat 67 surah *al-Maidah* turun untuk mengarahkan perlantikan Ali sebagai khalifah, adapun hadith yang dirujuk oleh beliau untuk menghujahkan ayat 67 surah *al-Maidah* sebagaimana sabda Rasulullah SAW melalui kata-kata Abu Sa'īd al-Khudri, *r.a* yang bermaksud (Muhammad Marḳī 1380 H):

“Daripada Abu Sa'īd al-Khudri, dia berkata: Diturunkan ayat ini: “Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu” [*al-Maidah* 5:67] ke atas Rasulullah SAW pada Hari *Ghadir Khum* berkenaan Ali bin Abi Talib.”

Sanad riwayat adalah da'if. Ia dikeluarkan oleh Ibn Abi Hatim di dalam *Tafsir al-Qur'an al-ʿAzim*, n.h: 6609 (*tafsir ayat 67 surah al-Maidah*), al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul*, hlm. 233 (*ayat 67 surah al-Maidah*) dan Ibn ʿAsakir di dalam *Tarikh Dimasq al-Kubra*, jil. 45, hlm. 179 (*biografi Ali bin Abi Talib*), kesemuanya dengan sanad yang berpangkal kepada Ali bin Abbas, daripada al-ʿAmasi, daripada ʿAtiyah, daripada Abu Sa'īd al-Khudri.

Atiyah, beliau ialah Atiyah bin Sa'ad Abu al-Hasan al-Aufi, seorang Syi'ah daripada Kufah. Beliau dihukum da'if oleh Hisham, Yahya bin Sa'īd al-Qathan, Ahmad bin Hanbal, Sufyan al-Thauri, Abu Zar'ah al-Razi, Ibn Ma'in, Abu Hatim al-

Razi, al-Nasa'i, al-Jauzajani, Ibn ʿAdi, Abu Daud, Ibn Hibban, al-Dar al-Qutni dan lain-lain lagi. Selain itu beliau masyhur dengan sifat *tadlis* yang amat buruk. ʿUqaili, Al-Hafiz Abi Jaʿfar Muhammad bin Amru bin Musa bin Himad al-Maki, *al-Duʿafa` al-Kabir*, biografi n.h: 1392, 1998. Ibn Hajar al-Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Muhammad, *Tabaqat al-Mudallisin*, biografi n.h: 122, 1983 M. Ibn Hajar Al-Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Muhammad, *Tahrir Taqrib al-Tahzib*, biografi n.h: 4616, 1995 M. Berdasarkan kecacatan tersebut, riwayat ini ditolak bukan sahaja kerana keda'ifan dan sifat *tadlis* Atiyah, tetapi juga kerana di sisi disiplin hadis *ahl al-Sunnah*, riwayat yang dibawa oleh seorang Syiah demi kepentingan mazhabnya adalah tertolak. Atiyah sememangnya terkenal menyandarkan riwayat-riwayat *Shi'iyat*.

Selain Ibn Abi Hatim, al-Wahidi dan Ibn ʿAsakir, al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*, jil. 2, hlm. 528 (*tafsir ayat 67 surah al-Maidah*) juga menyandarkan riwayat yang mengatakan ayat 67 surah al-Maidah turun berkenaan Ali kepada Ibn Marduyah. Namun rujukan kepada sumber ini tidak wujud pada masa kini. Sementara itu al-Hafiz al-Haskani turut mengemukakan beberapa riwayat yang senada di dalam *Shawahid al-Tanzil*, n.h: 243-250 dengan sanad yang sebahagian besarnya adalah cacat manakala bakinya terdiri daripada para perawi yang tidak ditemui status *al-Jarh wa al-Taʿdilnya*. Al-Hafiz al-Haskani sendiri tidak menerangkan status riwayat-riwayat yang dikeluarkannya. Justeru mencukupilah kita dengan *takhrij* serta rumusan al-Alusi r.h (1275H) berikut ini, ketika mengulas riwayat-riwayat *Ghadir Khum* yang berkaitan dengan ayat 67 surah *al-Maidah* (al-Alusi 1994; Ibn Taimiyah 1986):

“Dan anda sedia mengetahui bahawa khabar-khabar berkenaan peristiwa *Ghadir Khum* yang padanya terdapat perintah perlantikan (Ali sebagai khalifah adalah tidak Sahih di sisi *ahl al-Sunnah*, bahkan tidak diterima asal-usul kelahirannya.”

Demikian *takhrij* ke atas riwayat yang mengatakan ayat 67 surah *al-Maidah* turun untuk mengarahkan perlantikan Ali sebagai khalifah. Riwayat tersebut sebenarnya tertolak kerana ia dibawa oleh seorang perawi yang bermazhab Syiah. Lebih dari itu, jika kita mengkaji maksud sebenar ayat 67 surah *al-Maidah*, ia sebenarnya tidak memiliki apa-apa kaitan dengan subjek perlantikan khalifah.

Ahl al-Sunnah memiliki satu kaedah yang konsisten di dalam memahami dan berinteraksi dengan Nas-Nas al-Qur'an dan al-Sunnah, iaitu pertama, setiap Nas hendaklah diambil berdasarkan bentuknya yang asal melainkan wujud petunjuk lain yang mengubah bentuk asal tersebut (Al-Zarkashi 1988). Kedua, tidak mengkhususkan Nas yang umum atau mengumumkan Nas yang khusus terhadap memahami ayat al-Qur'an dan al-Sunnah (Ali al-Sabuni 1987).

Oleh kerana itu, jika seandainya Allah mengkehendaki hak kekhalfahan berada di tangan *ahl al-Bayt*, khasnya Ali bin Abi Talib, Allah akan menurunkan Nas yang berbentuk khusus lagi tepat bagi menetapkan kekhalfahan mereka sehingga tidak timbul apa-apa kesamaran atau salah faham. Ini sebagaimana tindakan Allah

mengkhususkan kepimpinan kepada Nabi Daud a.s dan menetapkan kerajaannya, sebagaimana firman Allah yang bermaksud (*al-Naml* 27:16):

وَوَرِثَ سُلَيْمٰنُ دَاوُدَ

Maksudnya:

“Dan Nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Nabi Daud”.

Di sisi lain, apabila Allah hendak menerangkan secara khusus bahawa Muhammad adalah Rasul-Nya, Allah menerangkannya dengan jelas lagi tepat sebagaimana firman-Nya yang bermaksud (*al-Fath* 48: 29):

مُحَمَّدٌ رَّسُوْلُ اللّٰهِ

Maksudnya:

“Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah”.

Jumhur Ulama berpendapat bahawa suatu ibarat itu harus dilihat dari segi keumuman lafaz bukan dari kekhususannya (العبرة بعموم اللفظ لا بخصوص السبب). Ini adalah pendapat yang sahih (Ali al-Sabuni 1987). Di dalam al-Sunnah yang sahih, yang wujud hanyalah beberapa hadis yang berbentuk doa, harapan, peringatan, anjuran dan pesanan Rasulullah SAW terhadap *ahl al-Bayt* baginda. Semua ini tiada yang berbentuk mengkhususkan dan menetapkan jawatan khalifah ke atas *ahl al-Bayt* baginda. Oleh kerana ketiadaan ini, *ahl al-Sunnah* tidak mengkhususkan dan menetapkan jawatan khalifah kepada *ahl al-Bayt* kerana setiap Nas hendaklah diambil berdasarkan bentuknya yang asal melainkan wujud petunjuk lain yang mengubah bentuk tersebut (al-Zarkashi 1988).

Oleh kerana itu, adapun *asbab al-Nuzul* bagi sebuah ayat al-Qur’an tidak berperanan mengkhususkannya jika ayat itu sendiri diturunkan dalam bentuk yang umum kerana *asbab al-Nuzul* hanya berperanan membantu kefahaman perbicaraan ayat (Ali al-Sabuni 1987 M: 39) dan pensahihan hadith oleh al-Hakim juga hanya dapat diterima jika ia disemak dan dipersetujui oleh ahli hadith yang lain kerana faktor bermudah-mudahan merupakan manhaj asas al-Hakim dalam menghimpun hadis-hadis (Ibn al-Salah 1984).

Pengkaji menganalisa maksud sebenar ayat 67 surah *al-Maidah*, Ayat tersebut berbentuk umum maka ia difahami secara umum juga. Firman Allah: ‘sampaikanlah’ (بلغ) ‘apa yang telah diturunkan’ (ما أنزل) dan ‘risalah-Nya’ (رسالته) adalah umum merujuk kepada perintah menyampaikan seluruh syari’at Islam (Ibn Kathir 2006). Sebagaimana Muhammad Ali al-Sabuni memberi penekanan dalam kitabnya bahawa *asbab al-Nuzul* bagi sebuah ayat al-Qur’an tidak berperanan mengkhususkannya jika ayat itu sendiri diturunkan dalam bentuk yang umum.

Hikmahnya supaya perbicaraan ayat dapat mencakupi semua generasi manusia dan suasana sehinggalah ke hari Kiamat. *Asbab al-Nuzul* hanya berperanan membantu kefahaman perbicaraan ayat. Ibnu Taimiyyah berpendapat bahawa Ilmu *asbab al-Nuzul* bertujuan membantu dalam memahami ayat, kerana ilmu tentang sebab akan menimbulkan ilmu tentang akibat (al-Sabuni 1987).

Ibn Kathir di dalam kitabnya *Tafsir al-Qur'an al-^cAzim Ibn Kathir* mengulas (Ibn Kathir 2006):

"Umatnya telah memberi kesaksian bahawa risalah itu baginda telah sampaikan dan amanat telah ditunaikan. Baginda bertanya kepada mereka di dalam satu pertemuan yang besar iaitu khutbah Haji Wada'. Sahabat yang hadir waktu itu lebih kurang 40,000 orang, sebagaimana terdapat dalam sebuah hadis yang sahih, diriwayatkan oleh Muslim, dari Jabir bin Abdillah. Rasulullah SAW di dalam khutbah baginda telah berkata: Wahai sekalian manusia, kami semua ini bertanggung jawab. Bagaimanakah pendapat kamu? Mereka menjawab: kami naik saksi bahawa engkau telah melakukan nasehat. Mendengar jawaban tersebut, Rasulullah mengangkat kepalanya dan menadah tangannya ke langit lalu menghadap mereka semua, kemudian baginda berkata: Ya tuhanku, bukankah aku sudah sampaikan".

Oleh kerana itu, menurut hemat pengkaji bahawa ayat 67 surah *al-Maidah* tersebut membuktikan Rasulullah telah melaksanakan risalahnya dengan sempurna di saksikan oleh 40.000 dari kalangan para sahabatnya. Ketika itu tidak ada satu ayat ataupun satu hadis sahih yang menyebut secara khusus risalah memberi maksud melantik Ali bin Abi Talib sebagai khalifah pengganti. Kekeliruan tafsiran Syi'ah menunjukkan beliau kurang memahami maksud sebenar ayat. Hakikatnya adalah mudah untuk Allah SWT berfirman sedemikian, umpama:

"Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah perlantikan Ali sebagai khalifah pengganti kamu."

Muhammad Quraish Shihab di dalam kitabnya *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an* mengulas (Quraish Shihab 2009 M):

"Di sisi lain, apakah objek yang diperintahkan untuk disampaikan tidak disebut oleh ayat ini. Mengapa tidak disebut jika ia sedemikian penting? Atau yang berlaku di sini adalah kaedah yang menyatakan: Apabila satu kalimat tidak menyebut objeknya, maka objeknya menjadi segala sesuatu yang dapat dicakup olehnya." "Sebagai contoh, jika di hadapan anda terhidang aneka makanan, kemudian anda dipersilakan makan (oleh tuan rumah) tanpa menyebut makanan tertentu, maka itu bererti bahwa anda dipersilakan makan segala apa yang terhidang tanpa sebarang pengecualian." "Demikian juga di sini (dalam ayat ini). (Perintah) "Sampaikanlah" (بلغ) disebut dengan tidak menyebut objeknya, maka ia bererti segala sesuatu yang berkaitan dengan penyampaian ajaran agama."

Menarik untuk diperhatikan soalan Quraish Shihab: Mengapa tidak disebut jika ia sedemikian penting? Di sini Quraish Shihab merujuk kepada hujah Syiah yang berkata ayat 67 surah *al-Maidah* diturunkan bagi memerintahkan Rasulullah akan satu hal yang penting, iaitu perlantikan Ali sebagai khalifah. Kemudian Quraish Shihab bertanya, jika hal perlantikan tersebut sedemikian penting maka kenapa ia tidak disebut sendiri oleh Allah dalam ayat ini? Hakikatnya adalah mudah untuk Allah SWT berfirman sedemikian, umpama:

“Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah perlantikan Ali sebagai khalifah pengganti kamu.”

Kalaupun Allah SWT berfirman dalam bentuk yang khusus untuk menerangkan jawatan khalifah seseorang adalah mudah bagi Allah, sebagaimana Allah telah melakukannya beberapa kali di dalam al-Qur’an. Di antaranya ialah tindakan mengkhhususkan jawatan khalifah kepada Nabi Daud a.s dan menetapkan kerajaannya, sebagaimana firman Allah Yang bermaksud (*Sad* 38: 26):

يُدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ

Maksudnya:

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu)”.

Demikian juga, apabila Allah hendak menerangkan bahawa Muhammad adalah Rasul-Nya, Allah menerangkannya dengan jelas lagi tepat sebagaimana firman-Nya yang bermaksud (*al-Fath* 48: 29):

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya:

“Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah”.

Selain keumuman perkataan ‘sampaikanlah’ (بلغ) ‘apa yang telah diturunkan’ (ما أنزل) dan ‘*risalah-Nya*’ (رسالته), terdapat petunjuk lain yang menafikan dakwaan bahawa ayat 67 surah *al-Maidah* diturunkan berkaitan dengan perlantikan Ali sebagai khalifah di *Ghadir Khum*. Petunjuk ini terdapat pada firman Allah: (والله يعصمك من الناس) yang bermaksud: ‘dan Allah jualah akan memeliharamu daripada manusia’. Siapakah yang dimaksudkan dengan manusia (الناس) yang akan Allah peliharakan untuk Rasul-Nya Muhammad SAW? Jawapannya terdapat pada penghujung ayat 67 surah *al-Maidah* tersebut: *Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir* (al-Alusi 1994).

Al-Zamakhshari di dalam kitabnya *al-Kashf ʿan Haqāʾiq al-Tanzil wa ʿUyun al-Aqawil fi Wujuh al-Taʾwil* mengulas (al-Zamakhshari 1997):

“Dan (yang dimaksudkan dengan) “manusia” ialah orang kafir berdalilkan firman Allah: *Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.*”

Seandainya ayat 67 surah *al-Maidah* ini merujuk kepada perintah perlantikan Ali sebagai khalifah, ia tidak akan membicarakan tentang orang-orang kafir tetapi khusus berkenaan orang-orang yang beriman. Ini kerana seorang khalifah adalah pemimpin, penjaga dan pengurus hal ehwal agama dan kehidupan orang-orang yang beriman. Merupakan satu kesia-siaan membicarakan urusan perlantikan khalifah *Dar al-Islam* dengan orang kafir.

Oleh itu apabila Allah berfirman secara umum, bererti yang dikehendaki oleh-Nya adalah pemahaman yang secara umum. Tidak boleh mengkhususkannya kepada hal-hal diatas perlantikan Ali sebagai khalifah kerana Allah tidak mengkehendaki pengkhususan tersebut.

Oleh kerana itu, tidak terdapat mana-mana nas dari al-Qur’an mahupun hadis-hadis sahih yang jelas maksudnya bahawa Ali itu telah ditentukan sebagai khalifah selepas wafat Rasulullah SAW. Seandainya ada wasiat dalam ucapan di Ghadir Khum bahawa Ali hendaklah dilantik menjadi khalifah selepas wafat Nabi SAW sebagaimana yang didakwa oleh orang Syi’ah, kenapakah Ali tidak mengajukan wasiat tersebut dalam perhimpunan sahabat Syaqqifah bani Saadah? Di sisi lain, para sahabat bersetuju melantik Abu Bakr sebagai khalifah yang pertama sebaik sahaja wafat Rasulullah SAW malah Ali sendiri turut bermubaya’ah dengan Abu Bakr r.a (Muhammad Aizam Bin Mas’od 2015).

KESIMPULAN

Golongan Syi’ah sentiasa mengutamakan Ali bin Abi Thalib r.a dibandingkan dengan Uthman bin Affan r.a. adapun gelaran Syi’ah biasa ditujukan setiap orang yang taat dan setia kepada Ali bin Abi Thalib r.a dan ahl al-Bayt sehingga ia menjadi gelaran yang khusus bagi mereka. Namun hakikatnya pandangan dan pegangan hidup golongan Syi’ah ialah berdasarkan kepada khalifah dan imamah, akidah ini menunjukkan bahawa khalifah Abu Bakar, khalifah Umar, dan khalifah Uthman adalah khalifah yang tidak sah, pengkhianat, dan perompak-perompak yang berdosa, kerana mengambil jawatan dan pangkat khalifah tanpa kebenaran daripada Ali r.a. oleh kerana itu, persoalan yang diketengahkan oleh Syi’ah, mereka mempunyai prinsip yang paling mendasar dalam ajarannya ialah Khalifah atau Imamah. Mereka meyakini bahawa Khalifah atau Imamah asas dalam akidah kerana menurut mereka perkara tersebut adalah sebahagian kalimat tauhid, barangsiapa tidak percaya dengan Khalifah atau Imamah maka orang tersebut tidak mengakui kalimat Syahadat. Perkara tersebut wajib diikuti walaupun menyimpang dari ajaran

agama Islam yang sebenar. Konsep Khalifah atau Imamah ini memberi kesan yang sangat signifikan dalam seluruh ajaran mereka.

Terdapat kekeliruan terhadap metodologi penafsiran mengenai *ayat al-Tabligh* oleh Syi'ah, kekeliruan metodologi tersebut lazim mereka kemukakan seolah-olah metodologi adalah yang benar. Adapun metodologi mereka tersebut ialah mengkhususkan nas yang pada asalnya berbentuk umum, mengkhususkan perbahasan berdasarkan sebab turun dan kelahiran nas, Adakalanya darjat hadis dinilai sahih dengan merujuk kepada pensahihan al-Hakim di dalam kitabnya al-Mustadrak, namun begitu apabila dianalisa secara teliti dan mengikuti piawai penafsiran sebenar terhadap kehujahan Syi'ah mengenai *ayat al-Tabligh*. Di sisi ahl al-Sunnah memiliki satu kaedah yang konsisten di dalam memahami dan berinteraksi dengan Nas-Nas al-Qur'an dan al-Sunnah, iaitu pertama, setiap Nas hendaklah diambil berdasarkan bentuknya yang asal melainkan wujud petunjuk lain yang mengubah bentuk asal tersebut. Kedua, tidak mengkhususkan Nas yang umum atau mengumumkan Nas yang khusus terhadap memahami ayat al-Qur'an dan al-Sunnah. Adapun ayat 67 surah *al-Maidah* merujuk kepada misi dakwah Rasulullah kepada orang kafir, ia tidak memiliki apa-apa kaitan dengan perlantikan Ali sebagai khalifah. Kedua, *asbab al-Nuzul* bagi sebuah ayat al-Qur'an tidak berperanan mengkhususkannya jika ayat itu sendiri diturunkan dalam bentuk yang umum. Ketiga, adapun sabda Rasulullah SAW melalui kata-kata Abu Sa'id al-Khudri, r.a mempunyai Sanad riwayat yang da'if. Keempat Atiyah sememangnya terkenal menyandarkan riwayat-riwayat *Shi'yyat* kerana beliau adalah seorang Syiah.

Oleh kerana itu, Tidak terdapat mana-mana nas dari al-Qur'an mahupun hadis-hadis sahih yang jelas maksudnya bahawa Ali itu telah ditentukan sebagai khalifah selepas wafat Rasulullah SAW. Seandainya ada wasiat dalam ucapan di Ghadir Khum bahawa Ali hendaklah dilantik menjadi khalifah selepas wafat Nabi SAW sebagaimana yang didakwa oleh orang Syi'ah, sedangkan Ali tidak mengajukan wasiat tersebut dalam perhimpunan sahabat Syaqqifah bani Saadah, di sisi lain, para sahabat bersetuju melantik Abu Bakr sebagai khalifah yang pertama sebaik sahaja wafat Rasulullah SAW malah Ali sendiri turut bermubaya'ah dengan Abu Bakr r.a Oleh itu, ayat 67 surah *al-Maidah* tersebut hanya membuktikan Rasulullah telah melaksanakan risalahnya dengan sempurna di saksikan oleh 40.000 dari kalangan para sahabatnya. Ketika itu tidak ada satu ayat ataupun satu hadis sahih yang menyebut secara khusus risalah memberi maksud melantik Ali bin Abi Talib sebagai khalifah pengganti. Kekeliruan tafsiran Syi'ah menunjukkan mereka kurang memahami maksud sebenar ayat.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Djam'an Satori, Aan Komariyah, *Metode Penelitian Kualitatif* (Bandung: Alfabeta, 2017)

- Al-Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi, *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Muthani*. (Beyrut Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994)
- Al-Zamakhshari, Abi al-Qasim Mahmud bin 'Umar al-Khawarizmi. *Al-Kashf 'an haqa'iq al-Tanzil wa 'uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. (Beyrut Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1997)
- Al-Zarkashi, al-Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah. *Al-Burhan Fi 'Ulum al-Qur'an*. (Beyrut Lubnan: Dar al-Jail, 1988)
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. *Al-Tibyan fi 'ulum al-Qur'an*. (Makkah al-Mukarramah: Dar al-Irsyad, 1987)
- 'Uqaill, Al-Hafiz Abi Ja'far Muhammad bin Amru bin Musa bin Himad al-Maki. *al-Du'afa' al-Kabir*. (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1998)
- Thalib, Muhammad. *Sy'ah Menyingkap Pemesongan Fahaman Islam*. (Selangor: Penerbit Bumi Restu Creative, 2013)
- Mun'im al-Hifny, Abdul. *al-Mu'jam al-Shamil Limustalahat al-Falsafah*. (Mesir: Maktabah al-Madbuli, 2000)
- Zarkasyi, Hamid Fahmy & Henri Shalahuddin. *Teologi dan Ajaran Sy'ah Menurut Referensi Induknya*. (Jakarta: Penerbit Insists, 2014)
- al-'Asqalani, Ibn Hajar, al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Muhammad. *Tabaqat al-Mudallisin*. ('Amman: Maktabah al-Manar, 1983)
- Ibn Mandhur, *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Salah, Imam Abu 'Umar wa 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shahrazauri *Kitab 'Ulum al-Hadith*. (Damsyq: Dar al-Fikr, 1984)
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin 'abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Taimiyyah al-Harani Abu al-'Abbas Taqi al-Din. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi naqdu kalam al-Shi'ah al-Qadariyyah*. (al-Su'udiyyah: Wazarah al-Ta'lim, 1986)
- Mar'i al-Amin al-Antaki, Muhammad. *Limadha akhtartu madhhab al-Shi'ah*. Beyrut. Mu'asasah al-a'lami.
- Quraish Shihab, Muhammad. *Tafsir al-Mishbah: pesan, kesan dan keserasian al-Qur'an*. (Jakarta: Lentera Hati, 2009)
- Aizam Bin Mas'od, Muhammad. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. (Putrajaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015)